

**Bersih 2.0 beri amaran kepada BN agar jangan takutkan pengundi  
Malaysian Insider  
April 11, 2013  
Oleh Md Izwan**

KUALA LUMPUR, 11 April — Pemimpin kedua-kedua parti politik dan pihak berkuasa digesa berhenti daripada menggunakan bahan dan kaedah bertujuan untuk menakutkan pengundi menjelang pilihan raya umum ke-13 tidak lama lagi, kata Bersih 2.0.

Kumpulan reformasi pilihan raya tersebut menegaskan bahan-bahan seperti kain rentang dan papan tanda yang dipasang menyalahi etika dan peraturan pilihan raya.

“Apa yang mereka cuba sampaikan? Mesejnya ialah jika kamu tidak memilih BN akan timbul masalah,” kata pengerusi bersama Bersih 2.0, Datuk Ambiga Sreenevasan, dalam satu sidang media pagi ini di Dewan Perhimpunan Cina disini.

“Adakah itu kempen yang BN mahu jalankan daripada berasaskan polisi mereka.”

Kritikan Ambiga tersebut merujuk keatas langkah Barisan Nasional (BN) yang memasang papan tanda di sepanjang Lebuhraya Utara-Selatan yang seolah-olah menggugut orang ramai supaya memilih gabungan parti pemerintah tersebut jika tidak mahu situasi huru hara.

Walaupun bagaimanapun, Ambiga juga menegaskan amaran tersebut juga bukan hanya kepada parti pemerintah BN tetapi juga kepada kumpulan pro pembangkang, contohnya kain rentang yang dinaikkan Asalkan Bukan Umno (ABU) yang memberi mesej amaran kepada pendedag asing supaya tidak mengundi pada pilihan raya nanti.

“Secara dasarnya, kami bersetuju dengan pandangan pendedag asing tidak layak mengundi.

“Tapi kami tidak sokong dengan cara menggunakan fizikal, ia perlu dibuat menerusi saluran betul seperti dengan membuat aduan ataupun laporan kepada pihak berkuasa,” tambah Ambiga.

Sementara itu, Ambiga juga membidas pihak polis yang tidak menolak akan menggunakan Akta Kesalahan Keselamatan Langkah-Langkah Khas 2012 (SOSMA) atas alasan untuk melicinkan perjalanan pilihan raya dan menjaga keamanan.

“Penggunaan SOSMA adalah tidak munasabah.

“Tidak perlu menggugut untuk menggunakan SOSMA, sepatutnya pihak polis menghentikan dahulu keganasan yang dilaporkan berlaku dalam ceramah-ceramah seperti yang dilaporkan berlaku,” kata Ambiga lagi.

Ambiga juga menggesa pihak polis tampil menerangkan kepada umum dan parti politik apakah peranan dan prosedur operasi piawaian (SOP) semasa dalam menjaga ceramah serta program parti politik.

“Kami juga mahu apakah SOP pihak berkuasa semasa mengendalikan ceramah.

“Apakah peranan mereka,” ujarnya lagi.

Dalam pada itu, Bersih 2.0 juga melancarkan sebuah jawatankuasa khas bertujuan untuk memantau kerajaan sementara hingga hari mengundi sekiranya terdapat pelanggaran dalam kod etika dan garis panduan oleh ahli serta parti politik semasa pilihan raya kali ini.

Menurut Irene Fernandez, salah seorang dalam jawatankuasa tersebut, beberapa pelanggaran telah dikenalpasti dilakukan oleh kerajaan negeri dan pusat sepanjang tempoh bermulanya pembubaran dewan rakyat dan dewan undangan negeri.

"Sebagai contoh, Menteri Besar Selangor Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim telah mengumumkan bonus sebanyak RM300 bagi penjawat awam sehari selepas Parlimen telah dibubarkan.

"Selain itu, Datuk Najib Razak juga telah mengumumkan tiga projek baru dengan jumlah hampir RM8 bilion di Cyberjaya," kata Irene.

Semalam, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengumumkan pengundian bagi pilihan raya umum ke-13 (PRU13) akan diadakan pada 5 Mei manakala penamaan calon ditetapkan pada 20 April.

Seramai 13,268,002 layak mengundi dalam PRU 13 kali ini.

Najib pada 3 April lalu telah mengumumkan pembubaran Dewan Rakyat bagi memberikan laluan kepada pilihan raya diadakan.

Kedua-dua parti politik di negara ini, BN dan Pakatan Rakyat (PR) akan bertarung untuk merebut sebanyak 222 kerusi parlimen dan 505 kerusi DUN.

Pilihan Raya 2013 dijangkakan paling sengit dalam sejarah walaupun BN seperti diramalkan oleh ramai pihak akan terus menerajui negara selepas itu.

Walau bagaimanapun, PR tidak mustahil untuk membuat kejutan kerana buat pertama kalinya, BN bakal berhadapan dengan pembangkang paling tersusun.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/bersih-2.0-beri-amaran-kepada-bn-agar-jangan-takutkan-pengundi/>